



**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA**

PELANCARAN RASMI ACARA PJ HALF MARATHON 2022

PETALING JAYA, 7 SEPTEMBER, 2022: Acara larian terulung di Petaling Jaya, *PJ Half Marathon* kembali lagi untuk edisi yang ke 32. Sebanyak empat (4) kategori akan dipertandingkan pada kali ini iaitu larian 30km Terbuka, 21km Terbuka, 10km Terbuka serta 3km Fun Run.

Seramai 9,337 peserta telahpun mengesahkan penyertaan dalam edisi tahun ini. Peningkatan penyertaan peserta luar negara adalah begitu ketara dimana untuk tahun ini sebanyak lebih 231 peserta dari 32 negara luar telahpun mendaftar untuk larian ini. Ini menjadikan prestij acara PJ Half Marathon 2022 semakin meningkat serta semakin mampu menarik pelari antarabangsa. Edisi kali ini juga menyaksikan pendaftaran penyertaan ditutup lebih awal dari yang disasarkan atas sambutan hangat daripada para pelari tempatan dan luar negara.

Antara jalan-jalan utama yang terlibat dalam acara ini ialah Jalan Gasing, Jalan Templer, Jalan Universiti serta Jalan Sultan. Pihak polis Daerah Petaling Jaya akan membuat kawalan trafik secara berperingkat bermula jam 04.00pagi di jalan-jalan terlibat.

Seramai kira-kira 100 orang polis trafik serta 50 orang pegawai penguatkuasa MBPJ akan ditugaskan untuk mengawal lalulintas bagi menjamin kelancaran serta keselamatan PJ Half Marathon untuk semua samada peserta mahupun orang awam.

Pihak penganjur menyarankan kepada semua peserta untuk meletakkan kenderaan di sekitar kawasan letak kereta yang terdapat berhampiran PJ State serta tidak meletakkannya di bahu-bahu jalan agar tidak mengganggu lalulintas pada hari acara berlangsung.

PJ Half Marathon untuk kali ini dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Persatuan Olahraga PARA Selangor (POPS) dengan kerjasama Puncak Ventures SRA Sdn Bhd. Untuk edisi kali ini, bilangan penaja barang juga turut bertambah. Organisasi swasta yang turut serta dalam menaja acara ini, ialah; minuman isotonik *100Plus* serta air mineral *Ice Mountain* daripada F&N Beverages Marketing Sdn Bhd, pakaian jenama Vrtic, butik sukan terkenal, Decathlon serta tajaan media daripada majalah kesihatan *Health Today*.

*sila rujuk lampiran untuk maklumat lengkap acara, jalan terlibat serta peta laluan.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Persatuan Olahraga PARA Selangor (POPS)

+6019 554 1902,+6012 629 4083 | info.pjhalfmarathon@gmail.com



Lampiran A:

FAKTA RINGKAS PJ HALF MARATHON 2022

Penganjur :

Majlis Bandaraya Petaling Jaya



Persatuan Olahraga PARA Selangor (POPS)



Penganjur Bersama : **Puncak Ventures SRA Sdn Bhd**



Disokong Oleh:

Polis Daerah Petaling Jaya

Tarikh:

Ahad, 25 September 2022

Lokasi:

Dataran Petaling Jaya (Padang Timur), Petaling Jaya

Waktu Pelepasan:

30km – 04.30pagi

21km – 05.00pagi

10km – 07.00pagi

3km – 07.15pagi

Sistem Masa:

Sistem Masa Mylaps

Hadiah Keseluruhan:

RM 60,000.00

Pendaftaran Dibuka:

4 April 2022

Pendaftaran Ditutup:

5 Ogos 2022

Website:

www.raceasia.com (Registration Portal)

www.pj-halfmarathon.com (Official Website)

www.facebook.com/pjhmarathon (Official Facebook Page)

E-mail:

info.pjhalfmarathon@gmail.com

Lampiran B:

ATURCARA RINGKAS

25 September 2022

0405pagi - Ketibaan pelari-pelari

0415pagi - Sessi Warm-up (Aerobik)

0430pagi - Pelepasan acara 30KM

0500pagi - Pelepasan acara 21KM

0630pagi - Ketibaan pelari pertama 30KM & 21KM

0700pagi - Pelepasan acara 10KM

0715pagi - Pelepasan acara 3KM

0740pagi - Ketibaan pelari pertama 10KM & 3KM

0830pagi- Persembahan

0900pagi- Penyampaian hadiah kepada para pemenang

0930pagi- Penyampaian hadiah Lucky Draw

10.30pagi- Acara Tamat

LAMPIRAN C:

JALAN TERLIBAT BAGI **PENUTUPAN JALAN** UNTUK PERSIAPAN TEMPAT PELEPASAN
'FLAG OFF'

NAMA JALAN : JALAN PERSIARAN BARAT (*Sebahagian Laluan*)
TARIKH : 24 SEPT 2022 (SABTU) HINGGA 25 SEPT 2022 (AHAD)
MASA : 3.00 PETANG (SABTU) HINGGA 11.00 PAGI (AHAD)

NAMA JALAN : JALAN TIMUR (*Sebahagian Laluan*)
TARIKH : 24 SEPT 2022 (SABTU) HINGGA 25 SEPT 2022 (AHAD)
MASA : 5.00 PETANG (SABTU) HINGGA 11.00 PAGI (AHAD)

JALAN-JALAN YANG TERLIBAT BAGI **PENUTUPAN JALAN SECARA BERKALA** OLEH
PIHAK **POLIS IPD PETALING JAYA**


TARIKH : 25 SEPTEMBER 2022 (AHAD)
MASA : 4.30 PAGI HINGGA 11.00 PAGI

NAMA JALAN : JALAN TIMUR, JALAN SULTAN, JALAN BARAT, JALAN UTARA, JALAN CHANGGAI 6/22, JALAN GASING, JALAN TEMPLER, JALAN SELANGOR, JALAN PASAR 1/21, JALAN RAILWAY 2/28, JALAN 2/27, JALAN PENCHALA, PERSIARAN P.P NARAYANAN, JALAN 229, JALAN BAIDURI SS1/22, JALAN SS1/36, JALAN SS2/24, JALAN 19/8, JALAN HARAPAN, JALAN 19/1, JALAN 21/1, JALAN 20/13, JALAN 20/14, JALAN 14/47, JALAN 14/48, JALAN 51A/223, JALAN DATO RAIS JAMIL 15, JALAN SEMANGAT, JALAN 17/21, JALAN 17/13, JALAN 17/1, JALAN UNIVERSITI, JALAN BUKIT 11/2, JALAN 12/13, JALAN 12/16, JALAN KEMAJUAN,

*Jalan-jalan yang terlibat telah disemak dan disahkan oleh pihak Polis Trafik IPD Petaling Jaya.

NOTA : MOHON PARA PENGGUNA JALAN RAYA MENGIKUT ARAHAN LALUAN DARI PIHAK POLIS TRAFIK PETALING JAYA YANG BERTUGAS DAN SENTIASA BERSEDIA SEPANJANG ACARA BERLANGSUNG.


30KM ROUTE MAP



LEGEND:

- WATER STATION
- MEDIC STATION
- SPONGE STATION
- TOILET
- HILL
- MUSOLLAH

21KM ROUTE MAP



LEGEND:

- WATER STATION
- MEDIC STATION
- SPONGE STATION
- TOILET
- HILL
- MUSOLLAH


10KM ROUTE MAP



3KM ROUTE MAP



VENUE LAYOUT





مجلس بندر ای قٰتالیغ جاٰي MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ/090100/T/A6/JLD 16 ()

Tarikh : 14 SEPTEMBER 2022

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA ENCIK SOH WAI CHING DENGAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA PADA 14 SEPTEMBER 2022 BERTEMPAT DI HOTEL ONE WORLD, BANDAR UTAMA PETALING JAYA.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan mengadakan memorandum persefahaman di antara Encik Soh Wai Ching pada 14 September 2022 bertempat di Hotel One World, Bandar Utama Petaling Jaya

Ini merupakan kali pertama MBPJ mengadakan MOU bersama Encik Soh Wai Ching yang merupakan Atlet Jaguh Lari Menara Malaysia. Beliau merupakan atlet negara di dalam Sukan Larian Menara yang kini berada di ranking Nombor Satu Dunia.

Tujuan MOU diadakan adalah bagi tujuan mempromosikan Bandar Petaling Jaya sebagai sebuah bandar yang Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan (PJSSR) 2030 di mata masyarakat dunia. Bandar Petaling Jaya sebagai sebuah bandar pelancongan yang boleh dilawati oleh pengunjung seluruh dunia yang menyediakan lokasi-lokasi menarik, kepelbagaiannya jenis makanan dan kemudahan-kemudahan kepada pengunjung.

Penyertaan pertandingan di luar negara memerlukan pembiayaan yang besar dan MBPJ sebagai Pihak Berkuasa Tempatan seharusnya melihat peluang ini untuk mempromosikan Bandar Petaling Jaya ini selaras dengan pelaksanaan pencapaian ke arah PJSSR 2030.

Selain itu, MOU ini dapat membawa nama MBPJ ke mata dunia sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama di Malaysia dan dunia di dalam mempromosikan Sukan Larian Menara. MBPJ dijangka menjadi Pusat Latihan Larian Menara yang ulung di Malaysia. Sukan ini juga dapat melatih anak-anak muda Petaling Jaya menceburi bidang ini dan menjadi seorang Atlet Jaguh Larian Menara daripada anak jati Petaling Jaya.

Encik Soh Wai Ching akan membawa banner Petaling Jaya untuk dikibarkan selepas pertandingan selesai dan penyampaian hadiah.

MBPJ berbesar hati untuk memberi sumbangan dan tajaan kepada Encik Soh Wai Ching sebanyak RM100,000.00 selama setahun bagi tahun 2022 sehingga tahun 2023 untuk beliau meneruskan penyertaan di peringkat Antarabangsa dan seterusnya mengekalkan kejuaraan.

Di antara syarat-syarat MOU adalah :-

- 1) Atlet perlu memakai baju yang tertera tulisan MBPJ dan logo semasa sidang media, menerima hadiah, ceramah atau latihan.
- 2) Atlet juga perlu mengibarkan bendera MBPJ selepas pertandingan selesai dan juga bagi acara podium penyampaian hadiah
- 3) Atlet diminta untuk memberi ceramah motivasi kepada komuniti Petaling Jaya semasa program anjuran Majlis
- 4) Menjadi duta Majlis bagi program-program masyarakat, motivasi dan jurulatih bagi program pembangunan remaja sukan Olahraga Majlis.

Adalah diharapkan agar Encik Soh Wai Ching berjaya dan dapat mengekalkan kejuaraan di dalam setiap pertandingan pada tahun 2022 dan 2023.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجالس بنداراي فتالیغ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()

Tarikh: 28 September 2022

INTIP DAN CEKUP AKTIVITI PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

Special Team Unit Urban Force Penguatkuasa Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melakukan operasi intip dan cekup lokasi sampah haram di Pasar Besar Jalan Othman. Intipan ini telah dilakukan selama 3 hari dan hasil intipan, Majlis telah berjaya menyita dua buah lori sampah jenis Nissan berwarna merah dan lori sampah berwarna putih jenis Hicom.

Tindakan sitaan dikenakan di bawah UUK 6 (2) MENCEGAH KEKOTORAN (MBPJ) 1999 kerana menyebabkan membuang plastik sampah berwarna hitam berisi sampah domestik, sampah pukal, sampah kebun, sisa kayu perabot dan barang elektrik seperti peti ais terpakai tanpa kebenaran dari Majlis.

Siasatan lanjut mendapati, mereka mengambil sampah-sampah berkenaan di sekitar kawasan perumahan dan mengambil jalan mudah dan tidak bertanggungjawab untuk tidak membuang di tempat yang sepatutnya. Lori-lori sampah yang disita berkenaan telah dihantar ke stor simpanan penguatkuasa di Pusat Inovasi MBPJ Kota Damansara.

Majlis ingin menegaskan bahawa, Majlis tidak akan teragak-agak dan berkrompomi dengan mana-mana pihak yang ingkar dan melakukan kesalahan di dalam kawasan pentadbiran Petaling Jaya ini. Mana-mana pihak yang didapati bersalah, Majlis akan mengambil tindakan tegas dan sewajarnya mengikut saluran undang-undang yang sedia ada.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil





مجالس بنداراي فتالیغ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()

Tarikh: 28 September 2022

BERSAMA MENCEGAH DENGGI

Penyakit demam denggi masih lagi menjadi masalah kesihatan awam di Malaysia. Pelbagai usaha berterusan telah dibuat untuk aktiviti kawalan dan pencegahan di semua peringkat. Pencegahan dan kawalan denggi juga memerlukan perancangan yang teliti dan intervensi yang strategic dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti geografi lokaliti wabak, tahap pengetahuan, nilai kepercayaan dan amalan kumpulan sasar yang terlibat serta faktor sosial, persekitaran dan lain-lain.

Berdasarkan dengan situasi ini, Majlis telah merangka beberapa aktiviti pendidikan kesihatan bagi meningkatkan kesedaran dalam usaha mencegah dan mengawal penularan penyakit demam denggi. Di antara aktiviti adalah melakukan hebahan melalui siaraya bagi memaklumkan kepada komuniti tentang kejadian kes denggi di lokaliti, langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya perlu diambil dan mengadakan kerjasama yang erat bersama penduduk setempat dan komuniti.

Majlis melihat, segala usaha sebegini perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi mengelak dan mengekang kes denggi. Komitmen, peranan dan kerjasama semua pihak amat ditagih selain masyarakat setempat perlu memain peranan penting dalam meningkatkan kualiti kesedaran tentang wabak.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()

Tarikh: 28 September 2022

MBPJ RAIH ANUGERAH ROYAL FLORIA PUTRAJAYA 2022 GARDEN CREATIVE AWARD TECHNOLOGY DAN INNOVATION' BAGI KATEGORI AGENSI KERAJAAN DAN KOPORAT

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah memenangi Anugerah Royal Floria Putrajaya 2022 Garden Creative Award Technology Dan Innovation' bagi kategori agensi kerajaan dan korporat di Festival Bunga Dan Taman Floria Diraja Putrajaya 2022.

Konsep "low carbon landscape" (landskap rendah karbon) adalah tema yang telah diterapkan di dalam rekabentuk yang dipertandingkan. Taman ini merupakan manifestasi inisiatif majlis dalam mengadaptasi dan mempromosikan penggunaan teknologi lestari, amalan hijau dan mengeluarkan karbon atau ghg yang relatif rendah bagi mengelakkan kesan buruk terhadap perubahan iklim di bandar petaling jaya sejajar dengan pelan strategik Petaling Jaya Smart, Sustainable & Resilient 2030.

Bertemakan 'floria hebat' dengan orkid sebagai bunga tema, edisi terkini festival bunga dan taman menghimpunkan kira-kira 10,000 orkid yang dipamerkan dengan lebih daripada 400,000 pokok pelbagai spesies. Antara komponen baharu adalah taman keluarga malaysia, taman koboi dan sukulen, taman instagrammable, hiasan dinding orkid dan terowong oncidium.

Penganjuran festival ini bukan sekadar pameran bunga-bunga hidup semata-mata, malah ia acara yang dapat mewujudkan peluang ekonomi dan perniagaan kepada usahawan, sekali gus merangsang pertumbuhan industri bunga-bunga, landskap dan juga pelancongan negara.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()

Tarikh: 28 September 2022

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA DINOBAT SEBAGAI PEMENANG BAGI ANUGERAH ASEAN ENERGY AWARDS 2022.

National Energy Awards (NEA) mengumumkan pemenang-pemenangnya bagi tahun 2022 dengan memberi pengiktirafan kepada para penggiat industri kerana menerima dan melabur dalam amalan tenaga mampan. Diterajui oleh Kementerian Tenaga Dan Sumber Asli (KETSA), nea ialah anugerah yang menerima konsep dan amalan mampan berpandangan jauh untuk tokoh-tokoh perniagaan yang terkemuka di Malaysia dalam sektor tenaga boleh diperbaharui, pengurusan tenaga dan kecekapan tenaga.

Dengan sejumlah 20 anugerah dalam tiga kategori disediakan untuk penduduk, perniagaan dan organisasi Malaysia, termasuk institusi pengajian tinggi, dua belas kumpulan dinobatkan sebagai pemenang bagi pengurusan tenaga, bangunan cekap tenaga dan tenaga boleh diperbaharui.

Edisi kelima nea menyaksikan pemenang-pemenang dalam kategori 1 (pengurusan tenaga) dengan Medivest Sdn Bhd membawa pulang anugerah untuk pengurusan tenaga bangunan-bangunan besar di Hospital Pakar Sultanah Fatimah HPSF. CSC Steel Sdn Bhd memenangi pengurusan tenaga untuk anugerah industri ini atas pengurusan tenaga mereka ke arah operasi proses yang cekap dan mampan.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah dinobatkan sebagai pemenang bagi Anugerah Asean Energy Awards 2022. Kompleks sukan Astaka MBPJ telah dipilih sebagai pemenang bagi kategori Energy Efficient Building: Special Submission-Zero Energy Building Sub-Category.

Manakala, projek menggunakan biogas yang dihasilkan oleh mesin kompos sisa makanan anaerobic digester untuk tujuan memasak di Smart PJ Waste Solution Lab SS2 telah memenangi tempat kedua Asean Renewable Energy Projects Awards 2022 bagi Kategori Off Grid - Thermal.

Acara tahunan ini telah dianjurkan oleh Asean Centre For Energy. Wakil Malaysia yang menyertai anugerah ini adalah merupakan pemenang bagi national energy awards anjuran Kementerian Tenaga Dan Sumber Asli (KETSA).

Pengumuman pemenang dan penyerahan penghargaan dilaksanakan secara virtual pada rangkaian 40th Asean Minister On Energy Meeting (Amem) and Asean Energy Business Forum Di Kemboja baru-baru ini.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()

Tarikh: 28 September 2022

IKON SUKAN TANAH AIR BANTU PROMOSI MBPJ DI MATA DUNIA.

Bagi mempromosikan Bandar Raya Petaling Jaya di mata dunia dan menjadi ikon pembangunan sukan di Malaysia dan khususnya di negeri Selangor, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengambil peluang dengan menaja dua atlet negara iaitu saudara Soh Wai Ching, jaguh sukan larian menara nombor satu dunia dan saudara Khairil Aslan Ab Rasid, penjelajah negara bagi ekspedisi trans paru-paru dunia from summit to sea 2022.

Saudara Soh Wai Ching merupakan atlet jaguh nombor satu dunia dalam larian menara. Bagi usaha mengekalkan kejuaraan dunia, majlis telah membantu beliau untuk meneruskan cabaran pada tahun ini dan tahun hadapan dengan menyediakan dana tajaan sebanyak RM100,000 selama setahun.

Melalui itu, saudara Soh Wai Ching akan menyertai kejohanan larian menara di Amerika Syarikat bermula 30 September ini antaranya adalah pada 30 September 2022 YMCA Stair Climb For La, US Bank Tower, Los Angeles Disusuli pada 2 Oktober 2022 Base 2 Space Needle, Seattle, 6 Oktober 2022 Empire State Building Run Up, New York, Dan 8 Oktober 2022 Tunnel To Tower Tampa, One Tampa City Center, Tampa yang kesemuanya diadakan di Amerika Syarikat.

Manakala Saudara Khairil Aslan Ab Rasid pula merupakan penjelajah negara dan warga Malaysia pertama yang berjaya menamatkan pendakian solo winter expedition 3 peaks of Himalaya pada tahun 2015. Kini beliau dalam usaha untuk menawan keseluruhan banjaran paru-paru dunia melalui ekspedisi trans paru-paru dunia from summit to sea 2022.

Untuk makluman, pergunungan paru-paru dunia terletak di Blangkajeren Gayo Lues, Aceh yang merupakan tulang besar Aceh, Indonesia. Keluasan hutan paru-paru dunia di Aceh dianggarkan 4.5 juta hektar. Kawasan ini juga

digelar negeri seribu gunung dan penduduk suku kaum gayo menggelar kawasan ini sebagai negeri serpihan dari syurga. Puncak tertinggi di banjaran paru-paru dunia adalah gunung loser 3404 meter dan gunung leuser 3119 meter. Kawasan pergunungan ini terletak di dalam kawasan taman nasional leuser.

Tahun 2015 adalah ekspedisi pertama buat beliau dalam melakukan pendakian ke banjaran paru-paru dunia selama 25 hari iaitu mendaki melalui barat daya hingga ke selatan banjaran paru-paru dunia. Pada tahun ini, beliau akan melakukan pendakian yang berbeza iaitu dengan mendaki melalui aceh tengah dan akan merintis laluan baru turun dari puncak terakhir iaitu puncak gunung leuser terus ke kawasan laut iaitu ke aceh barat daya. Sekiranya beliau berjaya menembusi laluan ini, maka beliau akan mencipta sejarah buat malaysia kerana menjadi pendaki kedua dunia yang pernah menembusi keseluruhan banjaran paru-paru dunia ini.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menaja ekspedisi ini sebanyak RM 20,000 dan semoga ekspedisi ini akan membawa nama majlis di mata dunia dan bendera mbpj akan dikibarkan di sepanjang puncak yang akan dijejaki. Majlis melihat, kedua-dua atlet ini mempunyai keazaman dan kesungguhan yang begitu tinggi di dalam bidang sukan yang diceburi mereka dan seharusnya menjadi ikon dan contoh buat warga petaling jaya dan menjadi pembakar semangat setiap anak muda di petaling jaya khususnya dan selangor amnya untuk terus berjaya di setiap bidang yang diceburi.

Mereka juga akan menjadi duta petaling jaya dan akan dilibatkan dengan program-program majlis yang bersesuaian seperti memberi motivasi melalui program-program yang akan dianjurkan oleh majlis khusus kepada remaja dan belia Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()

Tarikh: 28 September 2022

MBPJ RANGKA KADEAH BAGI MEMUDAHCARA PROSES KELULUSAN BINAAN UBAHSUAI

Dalam tempoh fasa Endemik COVID-19 penghujung tahun 2021 sehingga kini, trend membuat ubah suai rumah kediaman dan premis perniagaan semakin meningkat. Peningkatan ini merujuk kepada perbandingan statistik permohonan ubah suai yang diterima di peringkat OSC dengan peningkatan sebanyak 27 peratus berjumlah 675 permohonan bagi tahun 2022 berbanding tahun 2021 dengan jumlah 533 dan ini dijangka akan bertambah sehingga penghujung bulan Disember 2022.

Namun begitu, terdapat juga 144 jumlah bilangan binaan tanpa kebenaran bagi tahun 2022 sehingga bulan Ogos yang telah dikenalpasti dan direkodkan bagi kerja ubahsuai yang tidak mendapat kelulusan daripada Majlis. Majlis telah mengambil tindakan ke atas isu tersebut dengan sejumlah 84 kompaun dan denda telah dikeluarkan serta 20 jumlah kes dibawa untuk tindakan mahkamah selepas selesai tempoh notis-notis yang berkaitan termasuk kes binaan tanpa kebenaran di kediaman bertingkat yang viral di media sosial tempoh hari. Dalam pada itu, 40 jumlah tindakan perobohan telah diambil berikutan binaan struktur yang tidak boleh diluluskan mengikut garis panduan yang terpakai oleh Majlis.

Justeru, Majlis merasakan bahawa senario binaan tanpa kebenaran yang berlaku ini akan meningkat sekiranya tidak dibendung dan ini adalah kerana pemilik premis tidak mendapatkan nasihat yang betul daripada pihak-pihak yang berkepentingan seperti perunding dan kontraktor. Dalam masa yang sama, pengetahuan berkaitan permohonan kelulusan ini juga tidak sampai kepada seluruh penduduk Petaling Jaya khususnya bagi pemilik premis yang ingin melakukan kerja ubah suai bangunan. Implikasinya, situasi ini boleh

mengakibatkan ubah suai binaan yang dilakukan tidak akan dinilai oleh pihak bank semasa urusan penjualan. Disamping itu, pihak syarikat insurans juga tidak akan menginsurangkan binaan tanpa kebenaran tersebut sekiranya berlaku apa-apa insiden kebakaran selain tindakan kompaun serta roboh yang akan diambil oleh pihak Majlis.

Sebagai langkah proaktif, Majlis Bandaraya Petaling Jaya sedang merangka satu kaedah bagi memudahcara proses untuk mendapatkan kelulusan bagi binaan ubahsuai mengikut kategori yang ditetapkan. Sebagai contoh, Majlis melalui Jabatan Kawalan Bangunan telah menyediakan beberapa kategori ‘standard plan’ dimana kaedah permohonannya lebih ringkas dengan hanya membeli pelan yang disediakan di kaunter Jabatan bagi mendapatkan kelulusan dan permit binaan dan kelulusan akan diproses dan diberi dalam tempoh satu hari selepas lengkap semua dokumen serta pembayaran fi proses.

Standard plan ini adalah untuk ubah suai kediaman yang ringkas seperti sambungan belakang atau bahagian depan serta banyak lagi kategori yang berkaitan untuk ubah suai kecil bagi rumah teres. Selain daripada itu, proses permohonan permit sekatan dinding juga telah dimudahcarakan.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695